

Evolusi SPRM, tekad politik jayakan aspirasi perang rasuah

● Reformasi antirasuah hanya akan berjaya jika berpaksikan nilai nurani dan keikhlasan hati, bukan semata-mata bergantung kepada prosedur birokrasi dan undang-undang

● SPRM hanya akan benar-benar berfungsi dengan baik jika dilindungi daripada campur tangan politik, diberi sumber kewangan mencukupi dan disokong masyarakat sivil yang aktif



Oleh Prof Madya Dr Mashitah Mohd Udin
bhrencana@bh.com.my

Rasuah adalah antara cabaran paling kritikal dalam landskap politik dan pentadbiran moden Malaysia. Sejak merdeka pada 1957, usaha membanteras rasuah sentiasa menjadi sebahagian daripada agenda negara, namun keberkesanan pelaksanaannya sering dipersoalkan.

Sempena ulang tahun ke-58 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 1 Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sekali lagi membuat penegasan dasar bahawa Kerajaan MADANI komited menjadikan integriti dan ketelusan sebagai tiang seri kepemimpinan negara.

Institusi antirasuah di Malaysia bermula dengan penubuhan Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada 1967. Pada awalnya, BPR beroperasi dengan sumber terbatas dan sering bergantung kepada sokongan politik pemerintah untuk melaksanakan siasatan.

Walaupun terdapat kejayaan tertentu seperti tindakan ke atas penjawat awam berprofil tinggi, BPR sering dikritik kerana kekangan kuasa dan persepsi ketidakberkecualan.

Transformasi penting berlaku apabila BPR dinaik taraf menjadi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 2009 melalui Akta SPRM 2009 (Akta 694). Perubahan ini bertujuan meningkatkan kebebasan institusi, memperluas bidang kuasa dan memperkukuh kerangka undang-undang. Namun, undang-undang sahaja tidak mencukupi tanpa ada tekad politik kukuh serta budaya integriti mantap.

Menurut Perdana Menteri, ayat awal al-Quran, khususnya Surah al-Muzzammil dan Surah at-Tahrim, mengandungi seruan kebangkitan seperti, "Qum faanthir, Warabbaka fakabbir; Wathiyabaka fataahir" adalah prinsip asas untuk membina integriti.

Panggilan itu ditafsirkan sebagai ajakan bangun daripada kelalaian, menginsafi kebesaran Tuhan dan membersihkan jiwa serta amalan hidup. Dalam erti kata lain, reformasi antirasuah hanya akan berjaya jika berpaksikan nilai nurani dan keikhlasan hati, bukan semata-mata bergantung kepada prosedur birokrasi dan undang-undang.

Perdana Menteri turut mengimbau pengalaman peribadinya pada 1990-an ketika berkhidmat sebagai Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri. Pada waktu itu, beliau menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Anti-Rasuah serta memperkenalkan pindaan undang-undang diwang radikal, termasuk kuasa menyalah penjawat awam walaupun selepas bersara. Penentangan beliau hadapi daripada sebahagian

elit politik membuktikan usaha membanteras rasuah bukan sahaja berdepan cabaran teknikal, tetapi tentangan kepentingan politik.

Keazaman Perdana Menteri dalam isu rasuah dapat dilihat apabila pada 2009, meskipun berada di blok pembangkang, beliau tetap menyokong penubuhan SPRM. Tindakan ini mencerminkan rekod politik konsisten, berbeza dengan kecenderungan sebahagian elit sering menggunakan isu rasuah sebagai modal politik, tetapi jarang memperjuangkannya atas dasar prinsip.

SPRM bertindak secara menyeluruh

Beliau juga memberi pengiktirafan kepada keberanian SPRM di bawah kepimpinan Tan Sri Azam Baki dengan menegaskan bahawa buat kali pertama dalam sejarah Malaysia, SPRM bertindak secara menyeluruh terhadap tokoh berprofil tinggi, termasuk elit politik dan korporat.

“Pendekatan melawan rasuah tidak boleh terbatas kepada penguatkuasaan undang-undang sahaja, tetapi perlu membabitkan dimensi spiritual dan budaya”

Hal ini menunjukkan institusi itu semakin matang dan berani serta membuktikan wujudnya sokongan politik tertinggi untuk memastikan usaha ini diteruskan tanpa rasa gentar.

Ucapan Perdana Menteri turut menyentuh teori besar mengenai kejatuhan tamadun akibat rasuah. Beliau mengaitkan pandangan Ibn Khaldun yang menegaskan sesebuah tamadun akan runtuh apabila generasi penerus mengabaikan semangat pengorbanan dimiliki generasi terdahulu, lalu digantikan dengan budaya kemewahan, ketamakan dan rasuah.

Tafsiran ini sangat relevan dalam konteks Malaysia pascakemerdekaan, yang mana idealisme perjuangan generasi awal semakin digantikan dengan orientasi materialistik.

Jika dilihat melalui perspektif teori moden, Samuel P Huntington (1968) berpendapat korupsi adalah manifestasi ketidakselarasan antara pembangunan institusi dengan mobilisasi politik. Malaysia, sebagai negara membangun mengalami pertumbuhan ekonomi pesat sejak dekad 1990-an, jelas ber-

depan cabaran sama apabila pembangunan material tidak seiring penguatan institusi penguatkuasaan.

Dari sudut teori institusi diketengahkan Douglass North (1990) dan Acemoglu & Robinson (2012), kekuatan sesebuah negara bergantung kepada keberkesanan institusi politik dan ekonominya.

Dalam konteks Malaysia, SPRM hanya akan benar-benar berfungsi dengan baik jika ia dilindungi daripada campur tangan politik, diberi sumber kewangan mencukupi dan disokong masyarakat sivil yang aktif.

Daripada ucapan Perdana Menteri, dapat dirumuskan beberapa implikasi dasar signifikan. Pertama, SPRM berpotensi menjadi model penguatkuasaan antirasuah di rantau Asia Tenggara setaraf dengan Suruhanjaya Bebas Menentang Rasuah (ICAC) di Hong Kong.

Namun, potensi ini hanya boleh direalisasikan melalui penguatan autonomi institusi, peningkatan peruntukan kewangan dan jaminan perlindungan undang-undang kepada pegawai yang melaksanakan siasatan.

Kedua, cabaran rasuah politik perlu ditangani secara serius. Isu pembehan sokongan Ahli Parlimen dan politik wang dalam pilihan raya masih berleluasa dan menjejaskan keyakinan rakyat.

Oleh itu, pelaksanaan Akta Pembiayaan Politik perlu dipercepatkan supaya sistem politik menjadi bersih dan telus, selari dengan seruan Perdana Menteri bahawa pembersihan harus bermula dari akar sistem politik.

Ketiga, pendekatan melawan rasuah tidak boleh terbatas kepada penguatkuasaan undang-undang sahaja, tetapi perlu membabitkan dimensi spiritual dan budaya.

Dengan menekankan konsep kebersihan diri, jiwa dan institusi, Perdana Menteri menggariskan suatu pendekatan holistik boleh dilaksanakan melalui pendidikan nilai di sekolah, khutbah Jumaat, program kesedaran masyarakat dan kempen kebangsaan seperti *Keep Malaysia Clean*.

Daripada perspektif analisis dasar, dapat dirumuskan kejayaan usaha antirasuah memerlukan tiga dimensi utama. Pertama, wujud tekad politik konsisten daripada kepimpinan tertinggi.

Kedua, penguatan institusi SPRM supaya benar-benar bebas, berkesan dan berani. Ketiga, perubahan budaya masyarakat supaya nilai integriti dihayati setiap individu.

Sekiranya ketiga-tiga dimensi ini digembleng secara bersepadu, Malaysia berpotensi mengembalikan maruah sebagai negara berintegriti tinggi, dihormati dunia dan menjadi model rujukan negara serantau.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH